



## JABATAN LANDSKAP NEGARA

Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Tel: 03-40470000 Faks: 03-40452415 Emel: [kpiln@jln.gov.my](mailto:kpiln@jln.gov.my)

Laman Web: [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019 - “MALAYSIA NEGARA TAMAN TERINDAH”

**PUTRAJAYA, 3 Mac 2019** – Sambutan Hari Landskap Negara 2019 (HLN2019) dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada pagi ini yang diadakan di Taman Botani Putrajaya. Ini merupakan sambutan kali yang ke-21 sejak ia mula diadakan pada tahun 1998. Menariknya pada tahun ini sambutan diadakan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak Jabatan Landskap Negara diletakkan di bawah seliaan KWP bermula pada bulan Oktober 2018.

Tujuan sambutan HLN2019 diadakan adalah untuk menggerakkan budaya kecintaan terhadap landskap dalam kalangan rakyat seluruh negara selaras dengan Teras 1 Dasar Landskap Negara iaitu Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Ia juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) menjelang tahun 2020.

Dasar Landskap Negara yang mengandungi 7 Teras, 16 strategi dan 74 Pelan Tindakan merupakan dokumen yang lengkap serta komprehensif bagi mentransformasikan persekitaran negara ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020. Usaha transformasi ini perlu dilaksanakan secara komprehensif meliputi kompetensi pegawai, organisasi landskap, penyediaan infrastruktur hijau, perundangan landskap, penglibatan masyarakat serta pihak swasta dan yang paling utama adalah komitmen pelbagai peringkat kerajaan dalam melaksanakan Dasar Landskap Negara.

Tema yang dibawa sempena sambutan HLN2019 pada tahun ini adalah “Malaysia Negara Taman Terindah” selaras dengan hasrat Kementerian yang memberi penekanan kepada penyediaan kawasan hijau yang berkualiti sebagai antara indikator pencapaian negara maju. Ia juga adalah manifestasi kesungguhan pihak kerajaan dalam melaksanakan program perlandskap secara komprehensif ke arah mencapai persekitaran hidup yang kondusif, berkualiti dan menyeluruh.

Hasrat ini boleh dicapai melalui pelaksanaan program-program perlandskap yang menyeluruh di seluruh negara meliputi pembangunan Taman Awam dan Taman Persekutuan, penyediaan Pelan Induk Landskap dan Landskap Perbandaran, pembangunan Persekitaran Kehidupan dan pemuliharaan sumber landskap melalui Pembangunan Taman Botani. Jabatan juga melaksanakan pengurusan landskap yang komprehensif bagi menjamin kelestarian pembangunan landskap melalui kerja-kerja naik taraf taman awam dan penyelenggaraan landskap. Bagi memastikan maklumat pembangunan landskap dan taman di Malaysia dapat diakses dengan mudah dan pantas, Jabatan telah membangunkan aplikasi My UJANA dan sistem *e-Landscape*.

Jabatan turut komited dalam usaha mempromosikan program serta memupuk kesedaran masyarakat untuk membudayakan kecintaan terhadap landskap melalui program Kempen Tanam Pokok, Rakan Taman dan Pembudayaan Landskap. Kempen Tanam Pokok telah dilancarkan pada tahun 1997 dan kini selepas 22 tahun pelaksanaan, didapati kempen ini telah berjaya menyemai kecintaan masyarakat terhadap landskap dan pokok. Adalah menjadi satu aktiviti lazim pada waktu kini, penanaman pokok dilaksanakan dalam kebanyakan program yang dianjurkan oleh komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*), pihak swasta dan agensi kerajaan. Pihak jabatan juga memberi perhatian terhadap pembangunan industri landskap dengan mengadakan kolaborasi membangunkan piawaian bagi memastikan produk landskap yang dikeluarkan berkualiti dan mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Sambutan ini telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 1 - 3 Mac 2019. Sebanyak 12 aktiviti telah dianjurkan semasa sambutan ini. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti senamrobik, CPD, pertandingan mural/*graffiti*, eksporasi taman botani, lawatan komuniti Putrajaya, lawatan Pusanita KWP, *expert talk*, pertandingan gubahan bunga, *park race*, sukan rakyat, *botani talk* dan pertandingan melukis untuk pelajar sekolah rendah. Aktiviti – aktiviti yang dianjurkan semasa sambutan ini memberikan peluang kepada komuniti setempat untuk beriadah bersama dengan ahli keluarga mereka dan merasai keindahan alam semulajadi pada masa yang sama.

YAB Perdana Menteri turut menyampaikan empat anugerah iaitu Inisiatif Negara Taman Terindah, Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman, Inisiatif Negara Taman dan Inisiatif Sukarelawan Negara Taman. Pengiktirafan ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), komuniti, syarikat pemaju dan pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*). Mereka telah berjaya merancang, membangun dan melaksanakan pengurusan landskap yang komprehensif melalui pemberian Inisiatif Negara Taman.

Inisiatif Negara Taman Terindah adalah pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggembleng usaha berterusan dalam pembangunan infrastruktur landskap yang komprehensif di kawasan pentadbiran masing-masing melalui penyediaan ruang-ruang landskap, ruang-ruang hijau dan ruang-ruang awam yang menekankan keunggulan seni dan budaya dalam rekabentuk landskap, serta digunakan oleh orang awam secara optimum selain usaha pengekalan sumber landskap semulajadi dan pengurusan landskap yang konsisten. Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman adalah pengiktirafan kepada komuniti yang proaktif dalam kerja-kerja melandskap keindahan dan penghijauan kawasan kejiranan selari dengan konsep *Community in Bloom*. Inisiatif Negara Taman adalah pengiktirafan kepada syarikat pemaju perbandaran dan hartanah yang secara cemerlang melaksanakan inisiatif pembangunan landskap secara mampan dengan mengekal, membangun dan menguruskan kawasan hijau dan kawasan lapang dalam projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tersebut. Manakala Inisiatif Sukarelawan Negara Taman adalah pengiktirafan kepada pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*) dan pertubuhan berasaskan komuniti yang secara luar biasa telah menggerakkan usaha-usaha kesedaran ke arah aktiviti kecintaan dan pembudayaan landskap kepada masyarakat.

Kementerian Wilayah Persekutuan berharap agar usaha sama antara pihak Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan dasar, peraturan, program dan projek perlandskap negara ini dibuat secara komprehensif di seluruh negara agar mampu memacu pertumbuhan sosio-ekonomi yang mantap, memajukan lagi industri landskap serta membentuk masyarakat yang beretika dan berbudaya selaras dengan tema “Malaysia Negara Taman Terindah”.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Promosi dan Industri Landskap  
Jabatan Landskap Negara  
3 Mac 2019